

# Teruskan dialog secara terbuka demi perpaduan

Anwar gesa tolak politik mainkan isu agama dan kaum

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menekankan kepentingan dialog terbuka secara berterusan bagi memupuk persefahaman, perasaan saling menghormati di antara masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Perdana Menteri berkata, usaha sedemikian mesti terus berjalan dan tidak sewajarnya dianggap sebagai gimik politik oleh mana-mana pihak.

“Ini bukan gimik politik. Tapi percaya saya, kita mesti lakukan perkara yang betul. Sebab semua kaum mahukan keadilan.

“Penting bagi negara pelbagai kaum seperti Malaysia untuk membina survival dan keselamatan. Menolak politik yang memainkan isu agama dan kaum. Belajar dari apa yang berlaku di Eropah.

“Ini cabaran semua. Cabaran kepada guru dan pensyarah. Universiti harus mempromosi apa yang betul dan apa yang dapat menjamin keamanan,” katanya.

Beliau berkata demikian da-



Anwar merasmikan Persidangan Antarabangsa Dialog Peradaban (ICONCIDI'25) sempena sambutan 30 tahun Dialog Peradaban di Universiti Malaya, Kuala Lumpur, semalam.  
(Foto Mohamad Shahril Badli saali/BH)

lam ucapan merasmikan Persidangan Antarabangsa Dialog Peradaban (ICONCIDI'25) yang dianjurkan oleh Universiti Malaya (UM) bersempena sambutan 30 tahun Dialog Peradaban di sini, semalam.

Hadir sama Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Emeritus Datuk Dr Osman Bakar serta Profesor, Penyandang Kursi Teori Politik, Fakulti Undang-undang,

Universiti Hong Kong, Profesor Dr Daniel Bell serta Naib Canselor UM, Prof Datuk Seri Ir Dr Noor Azuan Abu Osman.

## Dihuni pelbagai kaum

Mengulas lanjut Anwar berkata, Malaysia dihuni pelbagai kaum, namun kefahaman terhadap kaum yang lain masih rendah dan wajar dipertingkatkan.

“Kita hidup di Malaysia dalam pelbagai kaum. Walaupun Islam agama Persekutuan, berapa ramai orang Islam faham agama

Persekutuan. Kita puasa, ada masjid, tapi hampir tak tahu Islam, sejarah dan peradabannya.

“Yang kita tahu sekadar mendapat asakan dari media dan apalagi media dikuasai Barat yang ada sejarah tersendiri.

“Penyanggahan paling keras terhadap pemikiran dominan yang anggap barat ‘superior’ tak salah, tapi menghina orang lain ... Islam, negara Arab, China dan India, meremeh dan merendahkan,” katanya.